

UMS DIBERI KEPERCAYAAN

UB 29.11.2020 P.1

● Kaji kit ujian COVID-19 buatan China

Oleh Yap Siang Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi kepercayaan untuk melaksanakan kajian terhadap ketepatan dan keberkesanan kit ujian COVID-19 yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat terkemuka berpangkalan di Wuhan China.

Kajian berkenaan merupakan kerjasama UMS-Dewan Perniagaan Sabah-China (SCCC) bagi membantu menangani keadaan semasa pandemik COVID-19 di negeri ini.


Setiasaha Agung SCCC, Ir. Tan Kok Jyh berkata, kerjasama itu juga sekaligus untuk menyuburkan aktiviti penyelidikan dan

pembangunan (R&D) yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat.

"Kita prihatin dengan keadaan yang melanda di Sabah. Sehubungan dengan itu kita dengan izin telah mendapatkan kit ujian COVID-19 daripada sebuah syarikat di China untuk dikaji.

"Ia tidak sama dengan kit yang digunakan untuk membuat saringan COVID-19 ketika ini.

"UMS merupakan universiti yang pertama kita berikan kerana kita tahu universiti yang menjadi kebanggaan rakyat Sabah ini mempunyai kemampuan, kelengkapan dan kepakaran yang mencukupi untuk tujuan ini," katanya dalam



KENANGAN: UMS dan SCCC mengambil gambar kenangan bersama kit ujian COVID-19 yang akan dibuat kajian tahap ketepatan dan keberkesanannya. Turut kelihatan Dr Taufiq (empat kiri) dan Tan (tepi kanan).



KAJIAN: Kit ujian COVID-19 yang akan dikaji UMS.

satu kenyataan selepas acara penyerahan kit ujian COVID-19 dari SCCC kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPPSK) UMS di sini, belmarin.

Menurut Tan, usaha yang dilakukan bersama UMS ini juga sebagai menger-

atkan tali silaturahim antara SCCC dengan UMS.

"Pada masa hadapan mungkin kita juga boleh mengadakan kerjasama membantu dan meneruskan pelbagai bidang R&D bagi membawa kemajuan di negeri Sabah," katanya.

Sementara itu, Dr Taufiq turut merakamkan ucapan terima kasih kepada

SCCC atas keprihatinan dan kepercayaan terhadap UMS sebagai rakan kerjasama untuk penyelidikan kit ujian berkenaan.

"Ini merupakan satu kerjasama yang amat baik dalam menghadapi keadaan pandemik COVID-19 di Sabah yang cukup terkesan ketika ini. UMS sudah tentu berasa bangga dan

terharu kerana dipilih untuk menjalankan kajian.

"Kita harap kerjasama ini akan berterusan dan akan membawa kepada kece-merlangan universiti sekaligus menyumbang kepada masyarakat.

"Semoga lebih banyak kerjasama dapat dijalankan dengan SCCC pada masa akan datang," katanya.